

Selesai aduan rakyat dalam tempoh dua minggu - KM

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Aduan mengenai permasalahan rakyat di Negeri Melaka perlu diselesaikan dalam tempoh dua minggu, tegas Ketua Menteri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Ab Rauf yang serius dan cakna dengan perkara itu berkata, bagi aduan rakyat tidak dapat diselesaikan dalam tempoh ditetapkan, jabatan atau agensi terbabit perlu mengemukakan jawapan secara bertulis kepada pengadu.

Katanya, peluang bersemuka secara empat mata bersama rakyat digunakan sepenuhnya oleh beliau

sendiri dan barisan kepimpinan Negeri Melaka untuk menyelesaikan segala aduan diterima dalam kadar segera.

"Rakyat pula berpeluang meluahkan permasalahan mereka secara terus kepada saya sendiri, Exco, Timbalan Exco dan ketua-ketua jabatan serta agensi.

"Rakyat datang dengan harapan permasalahan mereka dapat diselesaikan. Tetapi jika masih belum selesai mereka akan menerima maklumat mengenai perkara itu secara bertulis selepas dua minggu," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bula-

nan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Bagi Bulan Jun 2023 dan Program Hari Bertemu Rakyat (Open Day) Kerajaan Negeri Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, 22 Jun lalu.

Ab Rauf berkata, rakyat meletakkan harapan tinggi pada program hari terbuka berkenaan kerana ada yang tampil membawa aduan sudah acap kali disuarakan.

"Saya sempat berada di kaunter bawah portfolio saya, ada rakyat Melaka yang pernah cuba berkali-kali untuk temu janji dengan wakil rakyat tetapi tidak dapat,

jadi hari ini mereka boleh berjumpa di sini.

"Terima kasih kepada semua agensi dan jabatan terlibat berusaha merealisasikan impian saya menjadikan Melaka ini sebuah negeri dinamik serta progresif terutama dalam menyelesaikan masalah rakyat," katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, Fatimah Md Gapal, 56,

gembira dan berpuas hati dengan penganjuran hari terbuka itu kerana aduannya mendapat respon segera daripada pihak terlibat.

"Saya berpendapat hari terbuka ini perlu dianjurkan setiap bulan, kerana memudahkan rakyat berjumpa dan mengadu secara terus kepada pembuat keputusan," katanya yang juga peniaga di Pantai Klebang.



AB Rauf mendengar masalah orang ramai yang hadir pada Hari Bertemu Rakyat (Open Day) Kerajaan Negeri Melaka bertempat di MITC, Ayer Keroh. Turut bersama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Zaidi Johari. Foto Iqmal Haqim Rosman